



S U R U H A N J A Y A
PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT
C O M M I S S I O N

BUKU PANDUAN SPAD ICOP - KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BAS

ISI KANDUNGAN

SINGKATAN KATA.....	3
1.0 KATA ALU-ALUAN PENGURUSI SPAD	4
2.0 PENGENALAN	5
3.0 PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	6
Dasar Keselamatan dan Kesihatan	7
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	8
4.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN.....	10
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.....	12
Pegawai Keselamatan sebagai Penasihat kepada Pengendali	12
Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)	13
Latihan untuk Meningkatkan Kemahiran Pemandu	16
Penglibatan Pekerja dalam Agenda Keselamatan	16
Pelan Tindakan Kecemasan	18
Pemantauan Audit.....	18
Hasil Penemuan Audit	19
Fokus Langkah-langkah Penambahbaikan	19
5.0 PENGURUSAN PEMANDU	20
Prosedur Pengambilan Pemandu	22
Latihan Praperkhidmatan untuk Pemandu	22
Pemanduan Berhemah.....	22
Tempoh Pemanduan dan Had Waktu Bekerja	24
Pemantauan Pemandu.....	24
Kesihatan dan Kebajikan Pemandu	25
6.0 PENGURUSAN KENDERAAN	25
Pemeriksaan Harian	27
Melaporkan dan Merekodkan Kerosakan Kenderaan	27
Pelan Penyelenggaraan dan Pemeriksaan Keselamatan Kenderaan.....	27
Rekod Pengurusan Kenderaan	28
Latihan Mengenai Cara dan Kaedah Pemeriksaan Keselamatan Kenderaan	28
Kebersihan Kenderaan.....	28
7.0 PENGURUSAN RISIKO DI TEMPAT KERJA DAN DALAM PERJALANAN	28

Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)	28
Pengenalpastian Bahaya dan Risiko Laluan Perjalanan	28
Kemudahan Rehat dan Rawat bagi Perjalanan Jauh	29
Pemantauan Perjalanan	30
Pengurusan Penumpang dan Bagasi	30
Pelan Tindakan Kecemasan	30
Laporan dan Penyiasatan Kemalangan	31
Pengurusan Aduan	32
8.0 DOKUMENTASI DAN PENYIMPANAN REKOD	32
9.0 KESIMPULAN	34
LAMPIRAN A-1	35
Senarai Semakan Pemandu oleh Penyelia Secara Berkala	35
LAMPIRAN A-2	37
Senarai Semakan Pemandu oleh Penyelia Setiap Hari (sebelum perjalanan)	37
LAMPIRAN B	39
Senarai Semakan Kenderaan oleh Penyelia Setiap Hari	39
LAMPIRAN C	41
SPAD ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Bas - Panduan Audit Dalaman/Luaran	41
LAMPIRAN D	52
Senarai Semakan Ketua Pegawai Pengurusan (KPP)	52
LAMPIRAN E	53
Senarai Semakan Pusat Kawalan	53
LAMPIRAN F	53
Pelan Bantuan Kecemasan untuk Mangsa Kemalangan Jalan Raya (ERP)	53

SINGKATAN KATA

ISTILAH	DEFINISI
ABS	Anti-Lock Breaking System
Akta PAD	Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715)
ERP	Emergency Response Plan
GPS	Global Positioning System (Sistem Penentu Kedudukan Global)
HIRARC	Hazard Identification, Risk Assessment & Risk Control (Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko)
HRDF	Human Resource Development Fund (Dana Pembangunan Sumber Manusia)
ICOP SHE 2010	Industry Code of Practice Safety, Health & Environment 2010 (Tata Amalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2010)
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KAIZEN	Langkah-langkah Penambahbaikan Kualiti Perkhidmatan secara Berterusan (Konsep Korea)
KEJARA	Sistem Keselamatan Jalan Raya
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
OSHA	Occupational Safety & Health Act, 1994 (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994)
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PDRM	Polis Di-Raja Malaysia
PUSPAKOM	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer
SHE	Safety, Health & Environment (Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran)
SOP	Standard Operating Procedure (Tatacara Operasi Piawai)
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPAD ICOP - Keselamatan	SPAD Industrial Code of Practice - Keselamatan (Tata Amalan Keselamatan Industri Pengangkutan Awam Darat Oleh SPAD)
UNECE	United Nations Economic Commission for Europe (Suruhanjaya Ekonomi Eropah di Bawah Bangsa-Bangsa Bersatu)

1.0 KATA ALU-ALUAN PENERUS SPAD

Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Bas ini bertujuan memberikan garis panduan keselamatan yang praktikal bagi pengendali bas untuk memenuhi tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan operasi dan meminimumkan insiden dan kemalangan.

Usaha SPAD ICOP - Keselamatan memerlukan komitmen daripada pengurusan kanan setiap pengendali bas bagi memastikan kejayaan inisiatif. Sebagai titik permulaan bagi program, satu siri latihan telah dianjurkan oleh SPAD khususnya bagi pengurusan kanan pengendali-pengendali bas.

Hasil utama yang diharapkan melalui program latihan SPAD ICOP - Keselamatan adalah seperti yang berikut :

- i. Menjadikan agenda keselamatan sebagai keutamaan nombor satu setiap pengendali pengangkutan awam darat.
- ii. Menerapkan nilai-nilai moral untuk membantu mengatasi masalah dan kelemahan amalan keselamatan bagi pengendali pengangkutan awam darat; dan
- iii. Menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya dan norma industri pengangkutan awam.

Saya berharap dengan kejayaan pelaksanaan program SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat. Ini akan membantu mengurangkan kecederaan dan kematian yang melibatkan pengguna dan pekerja-pekerja di dalam sektor pengangkutan awam darat.

Tan Sri Dato' Sri Syed Hamid Albar

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

2.0 PENGENALAN

Objektif

Saban hari jumlah kemalangan jalan raya kian meningkat. Amat sukar untuk meletakkan nilai atau harga kepada nyawa. Kehilangan nyawa dan kecederaan merupakan sesuatu yang harus dielakkan seboleh mungkin.

Bagi tempoh dari tahun 2007 hingga tahun 2011, bilangan kematian yang melibatkan motosikal telah meningkat daripada 3,646 kematian kepada 4,169 kematian dan yang melibatkan kereta telah meningkat daripada 1,228 kematian kepada 1,389 kematian.

Walaupun kematian yang melibatkan pengendali bas telah menurun bagi tempoh yang sama, iaitu daripada 75 kematian pada tahun 2007 kepada 29 kematian pada tahun 2011, namun ia masih tidak memuaskan kerana wawasan SPAD adalah mencapai penghasilan pengangkutan awam darat sebagai mod pilihan utama rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, kes kemalangan dan maut yang melibatkan kenderaan pengangkutan awam darat perlu dikurangkan ke tahap paling minimum atau hampir kepada kematian sifar (*zero fatality*).

Oleh itu, program SPAD ICOP - Keselamatan telah dimulakan pada bulan Disember 2012 bagi pengendali bas untuk:

- i. menerapkan nilai murni keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
- ii. menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

3.0 PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

3.1 SPAD telah menggabungkan OSHA 1994 sebagai syarat-syarat perlesenan. Dengan pelaksanaan dasar ini, pengendali diwajibkan untuk mengikut syarat-syarat yang disyorkan oleh OSHA 1994. Seksyen 37 (OSHA 1994) mewajibkan setiap pengurusan kanan pengendali bas menerajui program keselamatan. Teras utama SPAD ICOP - Keselamatan 2013 ialah seperti yang berikut:

- i. polisi;
- ii. organisasi;
- iii. perancangan dan pelaksanaan;
- iv. penilaian; dan
- v. tindakan penambahbaikan.

3.2 Program pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara yang berikut:

- i. dasar keselamatan dan kesihatan;
- ii. jawatankuasa tetap;
- iii. pegawai tetap;
- iv. pengenalanpastian bahaya, penaksiran risiko dan kawalan risiko (HIRARC);
- v. latihan peningkatan kemahiran pemandu;
- vi. penglibatan pekerja dalam agenda keselamatan;
- vii. dokumentasi dan penyimpanan rekod;
- viii. pelan tindakan kecemasan;
- ix. pemantauan audit;
- x. hasil penemuan audit; dan
- xi. langkah-langkah penambahbaikan.


Dasar Keselamatan dan Kesihatan

- 3.3 Majikan hendaklah menyediakan satu pernyataan dasar keselamatan dan kesihatan bertulis di tempat kerja dan rancangan untuk melaksanakan dasar itu seperti mana di bawah Seksyen 16 Akta OSHA 1994. Dasar keselamatan dan kesihatan ini hendaklah menjadi keutamaan dan mendapat komitmen yang tinggi daripada pengurusan kanan syarikat. Semua aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan harus diutamakan terutama agenda dan program keselamatan.
- 3.4 Kewajipan untuk menyediakan dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja ialah tanggungjawab semua majikan kecuali kepada mereka yang menanggung tidak lebih daripada lima orang pekerja seperti yang telah dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pernyataan Dasar Am Keselamatan dan Kesihatan Majikan) (Pengecualian) 1995.
- 3.5 Antara perkara yang perlu dinyatakan dalam pembentukan dasar keselamatan dan kesihatan di setiap syarikat pengangkutan awam darat adalah seperti yang berikut:-
- i. komitmen pihak pengurusan kanan terhadap isu keselamatan dan kesihatan;
 - ii. pematuhan kepada kehendak perundangan di bawah OSHA 1994 dan Kod Industri Amalan Keselamatan 2010;
 - iii. penyertaan pekerja dalam Jawatankuasa Keselamatan di setiap peringkat organisasi;
 - iv. kajian semula dasar dari semasa ke semasa;
 - v. mesyuarat jawatankuasa keselamatan hendaklah diadakan setiap tiga bulan dan dipengerusikan oleh pengurusan kanan atau Ketua Pegawai Operasi; dan
 - vi. audit dalaman mengenai aspek-aspek keselamatan hendaklah diadakan setiap enam bulan.
- 3.6 Majikan hendaklah berunding dengan pekerja atau wakil pekerja untuk mencapai persetujuan bersama dalam merangka dasar keselamatan dan kesihatan.

- 3.7 Dasar keselamatan dan kesihatan hendaklah ditulis dengan ringkas dan jelas.
- 3.8 Dasar keselamatan dan kesihatan hendaklah ditandatangani oleh majikan, dimaklumi serta mudah diperoleh oleh pekerja dan juga pelanggan.
- 3.9 Majikan hendaklah memantau dan menilai pelaksanaan serta keberkesanan dasar keselamatan dan kesihatan.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan

- 3.10 Menurut seksyen 30 Akta OSHA, tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja untuk sektor Pengangkutan Awam Darat. SPAD telah memutuskan bahawa Jawatankuasa Keselamatan hendaklah diwujudkan di semua syarikat yang mempunyai lima orang atau lebih pekerja. (Rajah 3.10 Jawatankuasa SHE)
- 3.11 Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (Jawatankuasa SHE) wajib ditubuhkan berdasarkan peruntukan dibawah Seksyen 20 Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010 (ICOP SHE) dan OSHA 1994.
- 3.12 Bawah program SPAD ICOP - Keselamatan yang dilaksanakan bagi memenuhi kehendak OSHA 1994, penubuhan jawatankuasa SHE adalah wajib bagi setiap pengendali.




Rajah 3.10 Jawatankuasa SHE

3.13 Lima elemen utama yang membentuk rangka kerja program SPAD ICOP - Keselamatan ialah seperti yang berikut:

- i. Pengurusan dan pemantauan program SHE (Bab 4.0)
 - Pengurusan kanan hendaklah memainkan peranan proaktif dan menunjukkan komitmen yang kuat untuk melindungi keselamatan pekerja dan orang awam.
- ii. Pengurusan kenderaan (Bab 6.0)
 - Pengurusan kanan hendaklah memimpin dan melaksanakan program pengurusan pemandu berdasarkan amalan terbaik yang merangkumi prosedur pengambilan, latihan pemandu, putaran pemandu, disiplin pemandu, imbuhan pemandu, kebajikan pemandu, had jam pemanduan dan had jam waktu bekerja serta amalan sistem merit dan demerit.
- iii. Pengurusan pemandu (Bab 5.0)
 - Program pengurusan kenderaan hendaklah memastikan bahawa setiap kenderaan berada dalam keadaan mekanikal yang selamat dan optimum untuk setiap perjalanan. Ini merangkumi amalan terbaik dari aspek penyelenggaraan kenderaan, pemeriksaan kenderaan, pematuhan kepada piawaian teknikal, peralatan keselamatan dan pemeriksaan kenderaan sebelum perjalanan.
- iv. Pengurusan risiko perjalanan (Bab 7.0)
 - Langkah-langkah tebatan risiko ialah faktor penting untuk setiap perjalanan yang selamat. Oleh itu, pihak pengurusan kanan syarikat hendaklah memastikan pusat kawalan pemandu memainkan peranan untuk memantau tingkah laku pemandu melalui sistem GPS.
 - Rekod GPS perlu dimuat turun setiap hari dan diteliti oleh pegawai penyelia untuk mendisplinkan pemandu yang melanggar had kelajuan.

- Faktor alam sekitar seperti kawasan berbukit, banjir, haiwan melintas, pembaikan jalan, dan risiko di jalan raya ialah beberapa faktor penting yang perlu ditangani oleh pengurusan kanan.
- v. Pengurusan rekod (Bab 8.0)
- Data dan rekod kemalangan, aduan, latihan, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, dan pengurusan risiko perjalanan, audit dan jawatankuasa SHE perlu didokumenkan dengan teratur sebagai bahan rekod yang mudah untuk disemak.

4.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN



4.0 Tanggungjawab Pengurusan

4.1 Pengendali dan pengurusan kanan (Rajah 4.0) hendaklah memperjuangkan dan mengutamakan aspek-aspek keselamatan supaya nilai murni keselamatan menjadi amalan harian dan budaya dalam kalangan pengendali kecuali pengendali bas sekolah. Aspek yang perlu diutamakan adalah seperti yang berikut:

- i. dasar keselamatan dijadikan landasan program-program keselamatan;
- ii. mesyuarat jawatankuasa SHE diadakan secara bulanan;
- iii. audit dalaman dilaksanakan setiap enam bulan dan kemajuan keberkesanan program keselamatan dipantau oleh pengendali bas kecuali bas ekspres;
- iv. rekod GPS dimuat turun dan disemak setiap hari oleh pegawai penyelia dan dipantau kemajuan perlaksanaannya oleh pihak pengurusan kanan;
- v. aduan pelanggan hendaklah direkodkan dan dipantau setiap hari;
- vi. laporan harian penyelia diteliti oleh pengurusan kanan iaitu berkaitan pelanggaran aspek keselamatan berdasarkan lima elemen kritikal SHE dan mengambil tindakan penambahbaikan dengan serta-merta;
- vii. pemantauan oleh pengurusan terhadap pematuan pemandu-pemandu syarikat pada had pemanduan lapan jam sehari dan waktu bekerja 10 jam sehari serta cuti sehari dalam tempoh enam hari bekerja;
- viii. penyiasatan sebarang kemalangan atau kejadian berbahaya yang berlaku dalam perjalanan (*en-route the journey*), dan membuat cadangan kepada majikan mengenai langkah-langkah yang hendak diambil bagi mencegah berulangnya peristiwa itu;
- ix. penelitian oleh pengurusan untuk memastikan prosedur mengenai pengurusan pemandu kenderaan dan risiko perjalanan mencontohi amalan terbaik dan dipatuhi sepenuhnya di setiap peringkat organisasi;

- x. memastikan supaya ERP (*Emergency Response Plan*) disediakan dan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam organisasi khususnya yang berperanan untuk mematuhi dan melaksanakan pelan keselamatan organisasi; dan
- xi. melaksanakan pelan kemajuan kerjaya untuk setiap kakitangan dalam organisasi.

4.2 Pihak pengurusan kanan hendaklah mengambil langkah untuk menyediakan peluang latihan yang mencukupi kepada anggota Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan untuk membolehkan mereka melaksanakan fungsi masing-masing dengan cekap.

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

- 4.3 Menurut seksyen 29 OSHA, penghuni suatu tempat kerja di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1997, setiap organisasi yang tersenarai, hendaklah melantik seorang Pegawai Keselamatan bagi mengawasi pelaksanaan agenda keselamatan di setiap peringkat organisasi.
- 4.4 Memandangkan sektor pengangkutan awam darat merupakan suatu sektor yang tersenarai di bawah OSHA 1994, maka pelantikan seorang pegawai keselamatan dan kesihatan adalah wajib bagi pengendali yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja.

Pegawai Keselamatan sebagai Penasihat kepada Pengendali

- 4.5 Pegawai keselamatan syarikat hendaklah menjalankan kewajipan seperti yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997. Antara tugas utama Pegawai Keselamatan adalah seperti yang berikut:
- i. menasihati pengurusan atasan mengenai isu-isu keselamatan;
 - ii. memeriksa tempat kerja untuk mengenal pasti bahaya yang boleh mengakibatkan kemalangan;

- iii. menyiasat sebarang kemalangan di tempat kerja atau kemalangan nyaris atau apa-apa sahaja situasi yang berisiko di tempat kerja di bawah lima elemen kritikal SHE;
- iv. melaksanakan dan mengawasi program keselamatan di tempat kerja;
- v. menjadi setiausaha kepada jawatankuasa keselamatan; dan
- vi. mengemukakan laporan harian kepada pengurusan kanan berkaitan aktiviti keselamatan di tempat kerja terutamanya aspek-aspek yang perlu diperbaiki.

Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)

- 4.6 Pengurusan hendaklah mengenal pasti semua bahaya yang berkaitan dengan aktiviti pengangkutan jalan dan juga aktiviti di bengkel dan depoh. Penaksiran risiko terhadap bahaya hendaklah dijalankan termasuk langkah kawalan risiko bagi mencegah daripada berlakunya kemalangan akibat daripada risiko yang dikesan.
- 4.7 Contoh aktiviti- pejabat dan aktiviti dalam perjalanan yang perlu dikawal selia oleh pengurusan dari aspek-aspek keselamatan ialah seperti yang berikut:
- i. risiko dalam perjalanan;
 - ii. kerja-kerja menyenggara dan membaik pulih kenderaan;
 - iii. penggunaan peralatan dan jentera berat semasa kerja-kerja membuka, memasang dan membaik pulih kenderaan;
 - iv. pengurusan pelanggan atau orang awam di terminal, depoh dan bengkel; dan
 - v. aktiviti mengangkat dan memunggah barang muatan, bagasi dan alat ganti kenderaan.
- 4.8 Pengurusan kanan hendaklah mengenal pasti bahaya yang bersangkutan-paut dengan aktiviti-aktiviti (i) hingga (v) dan mengambil langkah penambahbaikan.

Contoh risiko dalam perjalanan yang perlu diawasi oleh pengurusan dan pegawai penyelia ialah seperti yang berikut:

- i. pemandu memandu melebihi had kelajuan;
- ii. pemandu menggunakan telefon bimbit semasa memandu;
- iii. pemandu merokok dalam perjalanan;
- iv. pemandu memandu dalam keadaan mengantuk dan keletihan;
- v. pemandu memandu secara merbahaya;
- vi. pemandu tidak memakai tali pinggang keledar;
- vii. pemandu gagal mengawal kenderaan akibat kerosakan brek dalam perjalanan; dan
- viii. keadaan tayar yang tidak selamat.

Contoh risiko di tempat kerja yang perlu dipantau oleh pengurusan ialah seperti yang berikut:

- i. bunyi bising akibat daripada aktiviti membaik pulih kenderaan;
- ii. kebakaran akibat daripada aktiviti yang berkaitan gas mudah terbakar seperti aktiviti kimpalan; dan
- iii. barang muatan dibawa secara selamat semasa mengangkat dan menurunkannya daripada kenderaan.

4.9 Penaksiran risiko hendaklah juga dilakukan oleh pengurusan atas setiap aktiviti yang telah dikenal pasti dan bahaya yang timbul. Faktor manusia, kenderaan, jalan dan persekitaran tempat kerja yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti tersebut hendaklah diambil kira.

4.10 Antara lain, penaksiran risiko perjalanan pengurusan hendaklah mengambil kira perkara- perkara yang berikut:

- i. kategori jalan yang akan digunakan (berselekoh, tiada penghadang jalan, kawasan berbukit dan sebagainya);
- ii. jenis kenderaan yang akan digunakan;
- iii. tanda amaran jalan/kenderaan yang tidak jelas;
- iv. status kesihatan pemandu;
- v. kelayakan/kemahiran pemandu-pemandu;

- vi. SOP keselamatan sebagai dokumen induk untuk dirujuk dan dipatuhi di setiap peringkat organisasi;
- vii. tahap pematuhan kepada peraturan keselamatan dalam pengendalian peralatan yang digunakan untuk membaik pulih dan menyelenggara kenderaan;
- viii. kawalan risiko bagi pengendalian dan penggunaan bahan kimia; dan
- ix. pematuhan peraturan keselamatan bagi aktiviti yang berkaitan dengan gas dan penggunaan kelengkapan elektrik mudah alih dengan selamat.

4.11 Langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan oleh pengurusan bagi meminimumkan risiko hendaklah meliputi program- program seperti yang berikut:

- i. program latihan pekerja berdasarkan penilaian keperluan latihan;
- ii. pemeriksaan kesihatan pemandu secara berkala;
- iii. membangunkan prosedur kerja yang selamat untuk kerja-kerja di premis operasi dan juga mengenai pemanduan yang selamat;
- iv. perancangan reka bentuk dan susun atur bengkel berdasarkan amalan terbaik;
- v. pemeriksaan harian kenderaan oleh pemandu dan pegawai penyelia sebelum perjalanan dimulakan;
- vi. penyelenggaraan berkala kenderaan berdasarkan manual pembuat kenderaan;
- vii. pemeriksaan peralatan keselamatan seperti tali pinggang keledar, alat pemadam api, pintu kecemasan, kon keselamatan dengan bahan pemantul cahaya, lampu suluh, alat pemotong tali pinggang, peti keselamatan pertolongan cemas; dan
- viii. sistem penghargaan/penyeliaan pemandu (sistem merit dan demerit).

- 4.12 Peraturan mengenai Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko(HIRARC) hendaklah didokumenkan dan disemak oleh pihak pengurusan dan dibentangkan untuk dipersetujui oleh mesyuarat Jawatankuasa SHE bagi mendapatkan sokongan setiap peringkat organisasi.
- 4.13 Program HIRARC organisasi perlu dikemas kini sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 4.14 Bagi pengendalian bahan kimia oleh pekerja, pengendali hendaklah menjalankan penaksiran risiko terhadap kesihatan pekerja seperti yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.

Latihan untuk Meningkatkan Kemahiran Pemandu

- 4.15 Pengendali hendaklah mengenal pasti dan menyediakan latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan kepada semua pekerja bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan keperluan setiap pekerja.
- 4.16 Pihak pengurusan hendaklah menyediakan program latihan yang lengkap meliputi latihan berbentuk kemahiran teknikal seperti latihan pemanduan berhempah, latihan tindakan kecemasan, kemahiran pengendalian kenderaan, pengendalian alat keselamatan, ceramah motivasi, dan penerapan nilai-nilai murni.
- 4.17 Latihan berkaitan pemanduan berhempah dan nilai-nilai murni hendaklah merangkumi semua pemandu dan pekerja dan diadakan secara berkala dan berjadual. Latihan yang dikendalikan hendaklah direkodkan supaya kemajuan kerjaya, latihan yang diperoleh dan keperluan latihan setiap pekerja dapat dipantau dengan rapi oleh pengurusan kanan.

Penglibatan Pekerja dalam Agenda Keselamatan

- 4.18 Pengurusan kanan hendaklah memastikan bahawa pandangan dan cadangan yang diberikan oleh pekerja berkenaan isu keselamatan diterima dan dipertimbangkan jika bersesuaian. Pekerja hendaklah memberi maklum balas tentang kemajuan tindakan yang diambil untuk mengeratkan perhubungan dan

interaksi antara pekerja dengan pengurusan kanan bagi isu-keselamatan dan kebajikan pekerja khususnya mengenai perkara yang berikut:

- i. dasar dan komitmen syarikat mengenai isu-isu keselamatan;
- ii. aktiviti seperti pertandingan keselamatan lalu lintas, seminar, kempen, ceramah, tayangan video, filem dan dokumentari keselamatan;
- iii. sudut pameran keselamatan dalam bentuk papan kenyataan bagi memberikan maklumat berhubung isu-isu dan aktiviti keselamatan;
- iv. peti cadangan bagi aduan dan cadangan berhubung isu-isu semasa; dan
- v. pemantauan tugas penyelia dan pemandu bagi memastikan pemeriksaan keselamatan dijalankan sebelum setiap perjalanan dimulakan. (Rajah 4.18 Carta Aliran SPAD ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Bas)



Rajah 4.18 Carta Aliran SPAD ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Bas

Pelan Tindakan Kecemasan

- 4.19 Penyediaan pelan tindakan kecemasan bagi pengurusan sebarang insiden atau kemalangan sangat kritikal sebagai prosedur untuk menangani insiden yang tidak diingini.
- 4.20 Perkara yang perlu diambil kira oleh pihak pengurusan dalam merangka prosedur pelan tindakan kecemasan termasuklah seperti yang berikut:
- i. penentuan tempat berkumpul;
 - ii. pertolongan cemas bagi pekerja yang mengalami kecederaan;
 - iii. prosedur menghubungi pihak berkuasa yang terlibat dengan segera seperti pihak polis, jabatan bomba dan penyelamat, hospital, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, dan sebagainya;
 - iv. mengenal pasti keadaan yang berpotensi membawa kepada kecemasan, seperti kemalangan tumpahan minyak di laluan, pembocoran gas beracun, kebakaran, banjir, tanah runtuh dan kejadian rompakan; dan
 - v. peraturan menyelamatkan penumpang dalam kecemasan.

Pemantauan Audit

- 4.21 Pihak pengurusan kanan hendaklah melantik pasukan audit dalaman bagi memantau keberkesanan pelaksanaan dan pengurusan program keselamatan berdasarkan skop dan garis panduan audit yang telah disediakan oleh SPAD dan disertakan bersama pada buku panduan ini sebagai Lampiran B. Program audit dalaman hendaklah memberi fokus kepada kemajuan yang dicapai untuk menyemai nilai-nilai murni di setiap peringkat organisasi berdasarkan lima komponen kritikal iaitu pengurusan dan pemantauan pelaksanaan SHE, pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan sistem rekod.

- 4.22 Pengurusan atasan dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa audit dalaman dilakukan setiap enam bulan dan penemuannya dibentangkan kepada mesyuarat Jawatankuasa SHE bagi melaksanakan langkah penambahbaikan. Skop audit adalah untuk menentukan sama ada sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dilaksanakan dalam keadaan baik dan berkesan menjaga keselamatan dan kesihatan para pekerja, dan untuk mencegah berlakunya kemalangan jalan raya dan insiden lain yang boleh membawa maut dan kecederaan kepada penumpang.
- 4.23 Hasil audit hendaklah digunakan oleh pihak pengurusan bagi membantu majikan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih cekap dan berkesan, serta untuk membuat penambahbaikan atas sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Hasil Penemuan Audit

- 4.24 Penemuan-penemuan audit hendaklah dibentangkan oleh pihak pengurusan untuk pertimbangan Jawatankuasa SHE sebagai asas untuk melaksanakan langkah pembetulan dan penambahbaikan.

Fokus Langkah-langkah Penambahbaikan

- 4.25 Langkah-langkah penambahbaikan dan kemajuan pelaksanaan agenda SHE hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut:
- i. pencapaian dan kemajuan pelaksanaan dasar SHE;
 - ii. pembentangan isu-isu keselamatan kepada jawatankuasa SHE yang perlu bermesyuarat setiap bulan;
 - iii. penglibatan pekerja dalam agenda SHE di setiap peringkat organisasi;
 - iv. pematuhan kepada prosedur SHE yang ditetapkan oleh pengurusan dan dipersetujui oleh jawatankuasa SHE;
 - v. keputusan daripada pengenalanpastian bahaya, penaksiran risiko dan kawalan risiko;
 - vi. siasatan terhadap kemalangan yang dijalankan;
 - vii. langkah penambahbaikan berdasarkan keputusan audit dan pemantauan yang dijalankan;

- viii. pelaksanaan cadangan penambahbaikan dan peningkatan daripada jawatankuasa keselamatan di persekitaran pejabat dan dalam perjalanan; dan
- ix. pelaksanaan amalan pengurusan keselamatan terbaik.

5.0 PENGURUSAN PEMANDU

5.1 Pihak pengurusan kanan hendaklah mengawasi dan memantau aktiviti-aktiviti pengurusan pemandu untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pemandu berada pada tahap yang terbaik. Antara perkara yang hendaklah diambil kira dalam menyediakan program pengurusan pemandu ialah seperti yang berikut:

- i. prosedur pengambilan pemandu;
- ii. klasifikasi pemandu berdasarkan kelayakan dan kelas lesen yang dimiliki;
- iii. pelan latihan asas dan latihan sebagai pemandu profesional;
- iv. prosedur pemanduan berhempah;
- v. pemantauan setiap perjalanan oleh penyelia dan pusat kawalan operasi perjalanan;
- vi. pemantauan tempoh pemanduan dan had waktu bekerja;
- vii. pemantauan sistem penggiliran pemandu;
- viii. pemantauan disiplin pemandu;
- ix. pengawasan kesihatan dan kebajikan pemandu;
- x. pemantauan harian pemandu oleh penyelia sebelum dan selepas perjalanan; dan
- xi. pemantauan pemandu oleh pengurusan kanan berdasarkan rekod GPS dan aduan pelanggan.

5.2 Elemen-elemen kritikal dalam pengurusan dan pemantauan pemandu adalah seperti pada Rajah 5.1 dan 5.2.



Rajah 5.1 Amalan Pengurusan Pemandu yang Kurang Baik



Rajah 5.2 Amalan Pengurusan Pemandu yang Baik

Prosedur Pengambilan Pemandu

- 5.3 Prosedur pengambilan pemandu hendaklah diawasi dan diperketatkan oleh pengurusan kanan untuk memastikan rekod pemandu bersih daripada kesalahan trafik berdasarkan rekod pada pangkalan data SPAD.
- 5.4 Kelayakan minimum yang wajib disahkan sebelum seseorang dilantik sebagai pemandu bas ialah seperti yang berikut:-
- i. pengurusan kanan hendaklah menyemak rekod pangkalan data SPAD untuk pengesahan rekod dan memastikan rekod pemandu bebas daripada kesalahan trafik;
 - ii. pengesahan rekod PDRM untuk mengesahkan bakal pemandu bersih daripada penglibatan dalam aktiviti jenayah;
 - iii. menguji tahap kemahiran pemandu (sekiranya bukti latihan yang diberikan kurang lengkap atau tidak mencukupi dan tidak meyakinkan);
 - iv. pemeriksaan kesihatan sebelum pelantikan; dan
 - v. bebas daripada mata demerit bawah sistem KEJARA JPJ.

Latihan Praperkhidmatan untuk Pemandu

- 5.5 Latar belakang dan jenis kemahiran seseorang pemandu kelas E sangat penting sebagai asas untuk merangka tahap kemahiran dan latihan praperkhidmatan yang perlu diberikan kepada setiap pemandu sebelum mereka dibenarkan memandu bas. Bagi mencapai hasrat ini, antara perkara yang wajib diberikan perhatian dalam latihan praperkhidmatan ialah seperti yang berikut:
- i. latihan pemanduan berhemah dan nilai-nilai murni sebagai ciri utama seseorang pemandu profesional;
 - ii. latihan kemahiran memandu di kawasan berbukit; dan
 - iii. latihan kemahiran untuk memandu bas jenis dua tingkat.

Pemanduan Berhemah

- 5.6 Pengurusan kanan hendaklah menyediakan senarai semak bagi perkara-perkara yang wajib dilakukan oleh seseorang pemandu sebelum memandu, semasa memandu, dan setelah sampai di destinasi. Senarai semak adalah seperti yang berikut:

Sebelum Pemanduan:

- i. pemandu dikehendaki melaporkan diri kepada pegawai penyelia 30 minit sebelum perjalanan dijadualkan;
- ii. pemandu hendaklah bertenaga dan dalam keadaan sihat untuk bertugas;
- iii. pemandu tidak dibenarkan mengambil jenis ubat yang boleh mengganggu pemanduan dan menyebabkannya mengantuk;
- iv. pegawai penyelia hendaklah memastikan pemandu tidak melebihi had maksimum lapan jam pemanduan bagi setiap hari bekerja; dan
- v. kegunaan senarai semak prapemanduan di bawah SPAD ICOP - Keselamatan seperti pada lampiran A adalah wajib disempurnakan dan disemak oleh penyelia sebelum pemandu dibenarkan meneruskan perjalanan.

Dalam Perjalanan:

- i. pemandu dikehendaki memperkenalkan diri kepada penumpang dan ucapan terima kasih kerana menggunakan sistem pengangkutan awam;
- ii. pemandu dikehendaki menayangkan video keselamatan sebaik sahaja perjalanan dimulakan;
- iii. pemandu dikehendaki mematuhi garis panduan pemanduan berhemah keselamatan semasa dalam perjalanan, iaitu:
 - mematuhi peraturan had laju kenderaan dan jalan;
 - memandu di lorong kiri pada setiap masa kecuali ketika memotong;
 - mengamalkan peraturan memotong secara selamat iaitu melalui semakan cermin sisi di kiri dan kanan, dan memberikan isyarat memotong, kemudian melihat semula cermin sisi untuk memastikan persekitaran yang selamat, dan menyemak kawasan titik buta (*blind-spot*) sebelum memulakan pergerakan untuk memotong;
 - mematuhi peraturan jarak keselamatan dengan kenderaan di hadapan berdasarkan jarak jangka masa dua

saat pada waktu biasa dan saatsaat semasa keadaan cuaca dan persekitaran yang kurang baik;

- mematuhi peraturan lampu isyarat dan bersedia untuk berhenti pada lampu kuning; dan
- berhenti di perhentian bas dalamruang yang disediakan dan ditandakan mengikut peraturan keselamatan, iaitu di lorong paling kiri (menjauhi amalan berhenti di tengah jalan kerana perbuatan ini tidak sopan dan boleh menjadi punca kemalangan dan kesesakan lalu lintas).

Tempoh Pemanduan dan Had Waktu Bekerja

5.7 Pegawai penyelia hendaklah menyediakan jadual jam pemanduan dan jam bekerja untuk pemandu. Antara perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan jadual perjalanan pemandu adalah seperti yang berikut:

- i. jam pemanduan maksimum tanpa rehat ialah empat jam;
- ii. jumlah jam pemanduan maksimum sehari ialah lapan jam;
- iii. jumlah masa bekerja maksimum sehari ialah 10 jam;
- iv. masa rehat ialah 30 minit bagi setiap empat jam perjalanan; dan
- v. masa rehat wajib ialah sehari selepas enam hari bekerja.

Pemantauan Pemandu

5.8 Pemantauan pemandu oleh pihak pengurusan dan pegawai penyelia wajib dilakukan bagi memastikan setiap pemandu mengamalkan pemanduan berhemah semasa memandu kenderaan. Pegawai penyelia pemandu hendaklah mengawasi perkara-perkara yang berikut:

- i. borang pemeriksaan harian kenderaan hendaklah dipantau bagi memastikan pemandu menjalankan pemeriksaan tayar, brek, lampu dan sistem stereng kenderaan sebelum setiap perjalanan dimulakan;
- ii. menyemak rekod pemandu daripada pangkalan data SPAD berdasarkan rekod kesalahan trafik setiap pemandu yang merangkumi kesalahan memandu melebihi had kelajuan yang dibenarkan, memotong di kawasan larangan, melanggar peraturan jarak keselamatan, memotong secara

- berbahaya, melanggar peraturan lampu merah dan memandu di lorong kanan; dan
- iii. meneliti setiap aduan pelanggan dengan rapi supaya tindakan dapat diambil terhadap pemandu yang memandu secara berbahaya atau melakukan kesalahan lain seperti tidak bersopan, merokok atau menggunakan telefon bimbit dalam perjalanan.

Kesihatan dan Kebajikan Pemandu

5.9 Pihak pengurusan dan pegawai penyelia pemandu hendaklah mengutamakan aspek kebajikan dan kesihatan pemandu melalui aktiviti yang berikut:

- i. pemeriksaan kesihatan pemandu secara berkala;
- ii. amalan terbaik dari aspek had waktu memandu, waktu kerja dan waktu rehat, sumbangan daripada PERKESO, KWSP, HRDF dan aktiviti-aktiviti kebajikan lain pemandu;
- iii. melaksanakan sistem pemandu gantian jika pemandu yang bertugas tidak sihat untuk memandu;
- iv. menyediakan kemudahan rehat yang selesa untuk pemandu sebelum dan di antara waktu perjalanan; dan
- v. melaksanakan aktiviti kebajikan untuk pemandu-pemandu dan keluarga mereka.

6.0 PENGURUSAN KENDERAAN

6.1 Pengurusan kenderaan hendaklah menyediakan program pengurusan kenderaan yang bertujuan memastikan kenderaan syarikat sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan di jalan raya. Antara perkara yang harus diambil kira ialah:

- i. pemeriksaan harian setiap kenderaan sebelum dan antara perjalanan;
- ii. pembaikan berdasarkan laporan kerosakan kenderaan oleh penyelia dan pemandu;
- iii. pelan penyelenggaraan yang lengkap secara berkala serta penyelenggaraan yang berjadual berdasarkan spesifikasi pembuat kenderaan;

- iv. kerosakan diperbaiki dengan memuaskan sebelum kenderaan digunakan semula di jalan raya;
- v. latihan asas kepada pemandu mengenai penyelenggaraan dan penjagaan kenderaan; dan
- vi. kenderaan perlu dilengkapi peralatan keselamatan yang diwajibkan oleh SPAD.



Rajah 6.1 Cara-cara Pengurusan Kenderaan yang Baik

Pemeriksaan Harian

- 6.2 Pengurusan kanan hendaklah mengadakan prosedur bagi menjalankan pemeriksaan harian setiap kenderaan untuk mengenal pasti sebarang kerosakan, dan membaiki sebarang kerosakan dengan segera.
- 6.3 Pemeriksaan harian kenderaan hendaklah memfokuskan kepada perkara-perkara yang berikut:
- i. sebelum perjalanan dibenarkan, penyelia hendaklah memperakui bahawa kenderaan berkenaan adalah dalam; dan
 - ii. garis panduan dan SOP bagi pemeriksaan harian yang disediakan oleh SPAD hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pemandu dan penyelia kenderaan.
- 6.4 Pemeriksaan keselamatan kenderaan, sebelum perjalanan dibenarkan, hendaklah meliputi perkara yang berikut:
- i. semakan dokumen pelesenan kenderaan;
 - ii. semakan sistem enjin;
 - iii. semakan sistem brek;
 - iv. semakan bahagian dalaman bas untuk mengesahkan ia bersih dan kemas; dan
 - v. semakan peralatan bantuan kecemasan dan kebakaran yang dibawa di dalam kenderaan berdasarkan syarat-syarat lesen.

Melaporkan dan Merekodkan Kerosakan Kenderaan

- 6.5 Sebarang kerosakan setiap bahagian kenderaan hendaklah direkodkan setelah setiap kali kenderaan dibaiki.

Pelan Penyelenggaraan dan Pemeriksaan Keselamatan Kenderaan

- 6.6 Pelan penyelenggaraan dan pemeriksaan kenderaan hendaklah meliputi perkara yang berikut:
- i. penyelenggaraan secara berkala;
 - ii. semakan komponen kritikal oleh penyelia dan pemandu sebelum dan selepas perjalanan termasuk semakan tayar,

- sistem brek, stereng, peralatan keselamatan dan bateri kenderaan;
- iii. kenderaan yang mengalami kerosakan hendaklah dihentikan penggunaannya oleh pegawai penyelia sehingga kerosakan dibaiki; dan
 - iv. semua kenderaan wajib dihantar untuk pemeriksaan awalan JPJ dan pemeriksaan berkala oleh PUSPAKOM.

Rekod Pengurusan Kenderaan

- 6.7 Pengurusan kenderaan hendaklah memastikan bahawa rekod-rekod lengkap pemeriksaan keselamatan, penyelenggaraan serta baik pulih kenderaan disimpan dengan kemas dan mudah untuk diakses dan disemak semula semasa pemeriksaan audit atau penyiasatan insiden/kemalangan dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Latihan Mengenai Cara dan Kaedah Pemeriksaan Keselamatan Kenderaan

- 6.8 Pemandu dan pegawai penyelia yang menjalankan kerja membaik pulih, penyelenggaraan dan pemeriksaan keselamatan hendaklah diberi latihan secukupnya.

Kebersihan Kenderaan

- 6.9 Penyelia kenderaan hendaklah memastikan supaya tempat duduk, langsir, dan tong sampah di dalam kenderaan sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.

7.0 PENGURUSAN RISIKO DI TEMPAT KERJA DAN DALAM PERJALANAN

Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)

- 7.1 Pengurusan kenderaan hendaklah mengenal pasti risiko yang bersangkutan paut dengan aktiviti-aktiviti pengangkutan harian seperti kategori jalan yang digunakan, keadaan kenderaan, keadaan pemandu, dan keadaan persekitaran jalan.

Pengenalpastian Bahaya dan Risiko Laluan Perjalanan

- 7.2 Potensi bahaya dan risiko hendaklah dinilai dari aspek risiko sebelum perjalanan dan juga semasa dalam perjalanan.

7.3 Kawalan risiko sebelum perjalanan hendaklah meliputi perkara yang berikut:

- i. semakan oleh pemandu dan pegawai penyelia terhadap keadaan tayar, sistem kawalan stereng, sistem brek serta cermin sisi, lampu dan peralatan keselamatan; dan
- ii. semaka noleh pegawai penyelia terhadap rekod pemandu dari aspek kesihatan pemandu, had waktu kerja dan had waktu memandu.

7.4 Kawalan risiko dalam perjalanan hendaklah merangkumi perkara yang berikut:

- i. kepekaan kepada perubahan cuaca dan lokasi berisiko tinggi akibat perubahan cuaca;
- ii. pengenalanpastian kawasan berisiko tinggi akibat faktor-faktor lain seperti keadaan jalan, haiwan melintas, tanah runtuh, kerosakan jalan, banjir, kerosakan kenderaan, pejalan kaki/kanak-kanak yang melintas jalan;
- iii. kepekaan terhadap tanda amaran yang terdapat di setiap laluan;
- iv. pertambahan risiko berdasarkan kepadatan trafik terutamanya semasa musim perayaan, cuti sekolah dan hari pelepasan am yang penggunaan kenderaan di jalan sangat tinggi;
- v. peningkatan risiko perjalanan pada waktu malam dalam keadaan persekitaran yang gelap;
- vi. halangan di kawasan berbukit;
- vii. tingkah laku pemandu lain;
- viii. tingkah laku pejalan kaki; dan
- ix. peningkatan risiko di kawasan sekolah, hospital dan pusat membeli-belah.

Kemudahan Rehat dan Rawat bagi Perjalanan Jauh

7.5 Bagi perjalanan yang jauh, kemudahan rehat dan rawat penting bagi memastikan pemandu dapat berehat secukupnya bagi mengekalkan tahap kecergasan untuk memandu, serta untuk melakukan pemeriksaan asas keadaan tayar kenderaan.

Pemantauan Perjalanan

7.6 Pemantauan perjalanan oleh pusat kawalan sangat penting dan hendaklah dititikberatkan oleh majikan. Buku log kenderaan hendaklah diisi dengan lengkap untuk tujuan pemeriksaan dan pemantauan oleh pegawai penyelia, pihak pengurusan dan agensi penguat kuasa.

Pengurusan Penumpang dan Bagasi

7.7 Pengurusan hendaklah mewujudkan sistem pengurusan penumpang, barangan dan bagasi yang baik kerana ia mampu mengurangkan risiko kecederaan dalam kemalangan. Untuk tujuan ini perkara yang wajib diawasi adalah seperti yang berikut:

- i. pemantauan aduan pelanggan;
- ii. tempat khusus untuk menyimpan bagasi berdasarkan amalan terbaik dan peraturan pihak berwajib;
- iii. had maksimum penumpang dan barangan yang dibenarkan berdasarkan syarat permit; dan
- iv. panduan kecemasan dipamerkan secara jelas di dalam kenderaan.

Pelan Tindakan Kecemasan

7.8 Pengurusan kemalangan hendaklah diterajui oleh Ketua Pegawai Pengurusan bagi memastikan operasi bantuan kecemasan berjalan dengan lancar.

7.9 Setiap pengendali hendaklah menyediakan pelan tindakan kecemasan untuk menyelamatkan dan merawat mangsa- mangsa kemalangan dengan segera dan selamat sekali gus meminimumkan kebarangkalian kematian akibat daripada kemalangan.

7.10 Antara tindakan persediaan kecemasan lain yang perlu diambil oleh pengendali adalah seperti yang berikut:

- i. pemandu dan pemandu pelancong (bagi bas persiaran) hendaklah diberikan latihan pertolongan cemas asas dan latihan asas mencegah kebakaran serta pengendalian peralatan kecemasan;

- ii. peralatan pertolongan kecemasan disediakan di dalam setiap kenderaan dan juga di terminal, bengkel dan gudang;
- iii. alat pemadam api disediakan di dalam kenderaan, terminal, dan bengkel. Ia hendaklah diletakkan di tempat yang mudah dicapai dan diselenggarakan mengikut jadual;
- iv. peralatan kecemasan seperti lampu suluh, serta alat penanda kecemasan seperti kon kecemasan dan tanda tiga segi disediakan di dalam setiap kenderaan;
- v. pemeriksaan tayar gantian untuk memastikannya dalam keadaan baik; dan
- vi. prosedur bertulis pelan tindakan kecemasan hendaklah dirangka dan dimaklumkan kepada semua pemandu dan pegawai penyelia dan dipamerkan dengan jelas dalam kenderaan sebagai panduan semasa kecemasan.

Laporan dan Penyiasatan Kemalangan

- 7.11 Pengurusan kanan syarikat hendaklah melaporkan kemalangan/insiden di tempat kerja dan dalam perjalanan kepada pihak yang berkenaan seperti SPAD, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, pihak media, syarikat insurans serta ahli-ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam kemalangan dengan serta-merta tidak lewat dari 12 jam selepas kemalangan.
- 7.12 Pemandu hendaklah melaporkan setiap kemalangan/insiden kepada pihak berkepentingan. Pihak pengurusan hendaklah menjalankan penyiasatan untuk mengenal pasti punca kemalangan.
- 7.13 Pengendali dikehendaki melaksanakan perkara yang berikut:
 - i. melaporkan setiap kemalangan berdasarkan keperluan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan) 2004;
 - ii. memberikan laporan awal secara bertulis mengenai kejadian yang tidak diingini dengan serta-merta;

- iii. membuat kenyataan akhbar berdasarkan siasatan awal dengan serta-merta (dalam tempoh 12 jam) dan kenyataan lengkap dalam tempoh 24 jam selepas kejadian;
- iv. laporan bertulis penyiasatan kemalangan wajib dikemukakan oleh pengendalia kepada SPAD dalam tempoh 72 jam (3 hari)
- v. merangka tindakan pencegahan kemalangan bagi mengelakkan insiden yang berulang;
- vi. pegawai siasatan hendaklah diberikan latihan mengenai tatacara menjalankan siasatan; dan
- vii. laporan kemalangan hendaklah dibentangkan dalam jawatankuasa keselamatan dan kesihatan sebagai asas untuk melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan.

Pengurusan Aduan

7.14 Setiap aduan pelanggan hendaklah disiasat oleh pihak pengurusan dan langkah pembetulan hendaklah diambil dengan seberapa segera.

7.15 Rekod mengenai aduan yang diterima dan tindakan yang telah diambil oleh pengendali hendaklah direkodkan dengan lengkap.

8.0 DOKUMENTASI DAN PENYIMPANAN REKOD

8.1 Pengurusan kanan syarikat hendaklah memastikan semua data dan rekod berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan disimpan, dijaga dan diurus dengan baik sebagai sumber rujukan dan semakan semula oleh pihak audit sebagai asas penambahbaikan.

8.2 Jenis-jenis rekod yang perlu disimpan ialah seperti yang berikut:

- i. minit mesyuarat Jawatankuasa SHE;
- ii. pelan latihan termasuk perancangan dan pelaksanaan;
- iii. insiden di tempat kerja atau dalam perjalanan termasuk kemalangan/insiden dan kejadian berbahaya;
- iv. notis dan saman daripada pihak penguat kuasa;
- v. aduan pelanggan;
- vi. pengurusan pemandu;
- vii. pengurusan kenderaan;

- viii. mengenalpastian bahaya, penaksiran dan kawalan risiko; dan
- ix. laporan audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan berkala tempat kerja.

8.3 Rekod yang tersenarai pada perenggan 8.2 adalah penting untuk pemantauan pelaksanaan lima komponen kritikal SHE dari aspek keselamatan. Rekod ini juga merupakan sumber maklumat kepada pasukan audit dalaman dan luaran. (Rajah 8.3 Pengurusan Rekod yang Baik)



Rajah 8.3 Pengurusan Rekod yang Baik

8.4 Rekod-rekod yang perlu disimpan ialah seperti yang berikut:-

- i. pemeriksaan harian dan berkala untuk kenderaan;
- ii. kerosakan kenderaan yang dikenal pasti semasa perjalanan;
- iii. penyelenggaraan kenderaan;

- iv. butir-butir baik pulih kendaraan;
- v. penemuan audit dalaman dan luaran;
- vi. aduan pelanggan atau pihak yang berkepentingan;
- vii. peralatan keselamatan; dan
- viii. saman trafik.

8.5 Perkara-perkara yang perlu direkodkan di dalam buku log ialah seperti yang berikut:

- i. nama pemandu;
- ii. masa bertolak;
- iii. masa sampai di destinasi;
- iv. masa rehat;
- v. rekod jarak perjalanan (bacaan odometer), laluan dan sebagainya; dan
- vi. rekod pertukaran pemandu merangkumi masa pertukaran pemandu dan lokasi.

8.6 Pengurusan kanan digalakkan menggunakan sistem merekod data yang terkini untuk memantau perjalanan selain daripada buku log seperti penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan *takograf*.

9.0 KESIMPULAN

9.1 Buku panduan ini hendak dipatuhi sebagai syarat pelesenan pengendali bas. Perlanggaran syarat lesen boleh mengakibatkan tindakan diambil terhadap pengendali.

LAMPIRAN A-1

Senarai Semakan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia dan Pemandu Secara Berkala

Subjek	Kategori		
	W	D	P
Prosedur Pengambilan Pemandu • Rekod Pemandu • Penilaian tahap kecekapan pemandu • Pemeriksaan kesihatan	✓ ✓ ✓		
Kategori pemandu • Sistem kad pemandu (sistem KEJARA) • Kategori pemandu (klasifikasi lesen)	✓ ✓		
Latihan • Tindak Balas kecemasan • Pemanduan berhemat • Latihan pengurusan kenderaan • Pertolongan kecemasan	✓ ✓ ✓ ✓		
Faktor merit dan demerit • Ganjaran • Penghargaan (sijil, majlis makan) • Peningkatan prestasi pekerjaan (latihan dan promosi) • Insentif (bonus, percutian keluarga) • Tindakan disiplin	✓ ✓ ✓ ✓	✓	
Peralatan dan Dokumentasi • Permit • Cukai Jalan • GPS / Takograf (<i>functioning (able) to record and to secure the speed profile</i>) • Peralatan gantian tayar • Peti kecemasan • Segi tiga keselamatan • Alat pemadam api • Tayar gantian • Kon keselamatan • Lampu suluh			

Pita keselamatan			
Keadaan Enjin dan Komponen Kritikal Yang Lain • Asap hitam/putih yang keterlaluan • Keadaan enjin • Peralatan hawa dingin dalam keadaan baik • Pengelap cermin dalam keadaan baik • Lampu kecemasan dalam keadaan baik			

W = Wajib D = Disyorkan P = Pilihan

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.

Tarikh: _____ Masa: _____

Disemak oleh Pemandu: _____

Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Tarikh: _____ Masa: _____

Disemak oleh Pemandu: _____

Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

LAMPIRAN A-2

Senarai Semakan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia dan Pemandu Setiap Hari (sebelum perjalanan dimulakan)

Subjek	Kategori		
	W	D	P
Syarat-syarat Umum • Pakaian seragam • Penyalahgunaan dadah/ubat • Pemeriksaan kesediaan pemandu • Kehadiran awal untuk menjalankan tugas • Pemeriksaan sampel darah dan kencing secara rambang	✓ ✓ ✓ ✓ ✓	✓	
Pematuhan kepada Had Waktu Pemanduan dan Bekerja • Pemanduan maksimum tanpa berhenti - 4 jam • Jumlah masa pemanduan sehari - 8 jam (maksima) • Jumlah waktu bekerja - 10 jam (maksima) • Waktu rehat (30 minit) setiap 4 jam • Jumlah waktu bekerja dalam seminggu - 6 hari • Sehari cuti selepas 6 hari bekerja	✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓		
Penukaran Pemandu • Pemandu ditukar ganti di lokasi tertentu; atau • Pemandu kedua iringi bersama dalam perjalanan	✓ ✓		

W = Wajib D = Disyorkan P = Pilihan

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar.

Tarikh: _____ Masa: _____

Disemak oleh Pemandu: _____

Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

PENGESAHAN OLEH PEGAWAI KESELAMATAN / PEGAWAI PENYELIA DAN PEMANDU

Tarikh: _____ Masa: _____

Disemak oleh Pemandu: _____

Disahkan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia: _____

LAMPIRAN B

Senarai Semakan Harian Untuk Kenderaan oleh Pegawai Keselamatan / Pegawai Penyelia dan Pemandu

Senarai Semakan Kenderaan Harian			
		Sebelum Perjalanan	Selepas Perjalanan
A	METER	KM	KM
	➤ Pembacaan meter(Sebelum dan selepas perjalanan)	✓	
B	PERALATAN DAN DOKUMENTASI	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Permit ➤ Cukai Jalan ➤ GPS / Takograf (Functioning (able) to record and to secure the speed profile) ➤ Peralatan gantian tayar ➤ Peti kecemasan ➤ Segi tiga keselamatan ➤ Alat pemadam api ➤ Tayar gantian ➤ Kon keselamatan ➤ Lampu suluh ➤ Pita keselamatan		
C	PENYELENGGARAAN HARIAN	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Keadaan tayar ➤ Tekanan angin tayar ➤ Pemeriksaan lampu dan lampu isyarat ➤ Brek dan system brek dalam keadaan baik		
D	SEMAKAN KESELAMATAN BAGI MUATAN YANG DIBAWA	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Adakah muatan mematuhi had bilangan penumpang yang dibenarkan ➤ Adakah muatan dibawa secara selamat		

Senarai Semakan Harian untuk Kenderaan			
E	KEADAAN ENJIN DAN KOMPONEN KRITIKAL YANG LAIN	YA (✓)	TIDAK (X)
	➤ Asap hitam/putih yang keterlaluan ➤ Keadaan enjin ➤ Peralatan hawa dingin dalam keadaan baik Pengelap cermin dalam keadaan baik Lampu kecemasan dalam keadaan baik		
F	PENGESAHAN OLEH PEMANDU/PENYELIA SEBELUM PERJALANAN		
	Saya dengan ini mengesahkan bahawa pemeriksaan seperti dalam senarai semak telah dibuat oleh saya. Semua maklumat yang terdapat dalam senarai semak adalah benar. Tarikh: _____ Masa: _____ Disahkan oleh Pemandu: _____ Disahkan oleh Pegawai Keselamatan: _____		
G	PENGESAHAN OLEH PEMANDU/PENYELIA SELEPAS PERJALANAN		
	Tarikh: _____ Masa: _____ Diasahkan oleh Pemandu: _____ Disahkan oleh Pegawai Keselamatan: _____		

LAMPIRAN C

SPAD ICOP - Keselamatan untuk Pengendali Bas - Panduan Audit Dalam/Luaran

KEPERLUAN DI BAWAH SPAD ICOP- KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BAS		
TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Sudahkah SPAD ICOP- Keselamatan dilaksanakan? • Sudahkah syarikat anda menggubal dasar keselamatan? • Adakah dasar keselamatan syarikat dipamerkan di tempat yang strategik? • Sudahkah Jawatankuasa SHE ditubuhkan? • Adakah Jawatankuasa SHE mengadakan mesyuarat setiap bulan? • Adakah sistem merit/demerit untuk pemandu dilaksanakan? • Adakah perancangan dan keperluan bagi latihan pemanduan dan program pembinaan kapasiti pemandu syarikat diamalkan? • Adakah SOP mengenai Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dirangka dan dipatuhi? • Adakah program latihan dalaman bagi SPAD ICOP- Keselamatan dijalankan? • Adakah pihak Pengurusan memimpin pelaksanaan agenda SHE? • Adakah KPO atau wakil pengurusan kanan mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa SHE?		

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah ketua bahagian dan wakil setiap bahagian dilantik sebagai ahli jawatankuasa SHE? • Adakah KPP dan Pengurus Kanan memantau pelaksanaan program-program keselamatan seperti yang berikut: ➤ Penyenggaraan kenderaan syarikat ➤ Rekod pemandu/Rekod saman/Rekod KEJARA ➤ Rekod Audit dalaman/luaran dan tindakan susulan ➤ Pemantauan had maksimum waktu memandu ➤ SOP dan garis panduan yang jelas untuk pemandu kedua (Pilihan diberikan kepada syarikat untuk merancang setiap perjalanan dan mengaturkan penjadualan tugas pemandu antara dua alternatif; iaitu sama ada pemandu kedua berehat dalam bas atau mengambil alih tugas daripada pemandu pertama di lokasi yang dirancang dan direkodkan dalam jadual perjalanan) ➤ Adakah rekod lengkap insiden/kemalangan disimpan dan dipantau oleh pihak pengurusan? ➤ Adakah Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) disediakan dan dipatuhi? ➤ Adakah pelan dan modul latihan pemandu dirangka dan dilaksanakan dengan sempurna? ➤ Adakah setiap kenderaan dilengkapi dengan peralatan keselamatan?		

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah pihak pengurusan kanan mesra kepada pelanggan dan prihatin terhadap keperluan pengguna seperti berikut: ➤ Bolehkah pengguna membuat laporan melalui talian bebas tol atau talian khusus (<i>dedicated line</i>) yang dipantau dengan rapi? ➤ Adakah rekod yang lengkap disimpan bagi setiap aduan? ➤ Adakah kemajuan penyelesaian aduan dipantau? ➤ Adakah pusat kawalan ditubuhkan bagi memantau tingkah laku pemandu dalam perjalanan dengan menggunakan peralatan yang disediakan dalam kenderaan seperti <i>GPS</i> dan <i>takograf</i>?		

PENGURUSAN PEMANDU	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah pemantauan dibuat mengenai prestasi, kelayakan, klasifikasi dan kategori pemandu? • Adakah perancangan dan keperluan latihan diutamakan dan program latihan lengkap disediakan? • Adakah perintah had maksima untuk memandu tidak lebih daripada 8 jam dan waktu bekerja selama 10 jam dipatuhi dan dikuatkuasakan oleh pengurusan syarikat terhadap semua pemandu? • Adakah waktu rehat untuk tempoh sehari pada setiap minggu bekerja dipatuhi? • Adakah pemandu syarikat prihatin terhadap isu-isu keselamatan semasa dalam perjalanan? • Adakah semakan dibuat dengan rekod di pengkalan data SPAD, PDRM dan JPJ sebelum seseorang dilantik sebagai pemandu syarikat bas? • Adakah sistem penggiliran pemandu dirancang dan dipraktikkan dengan teratur? • Adakah peraturan-peraturan keselamatan dan perundangan dipatuhi?		

PENGURUSAN PEMANDU	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah prestasi pemandu dikawal dan dipantau dengan rapi mengenai aspek yang berikut: ➤ Adakah pemandu patuh kepada had laju jalan dan kenderaan? ➤ Adakah pemandu patuh kepada peraturan jarak keselamatan? ➤ Adakah pemandu mengamalkan peraturan memotong dengan selamat? ➤ Adakah pemandu memandu di lorong kiri, kecuali ketika memotong? ➤ Adakah pemandu dilarang menggunakan telefon bimbit kecuali dengan peralatan bebas tangan? ➤ Adakah pemandu dilarang merokok dalam perjalanan? ➤ Adakah sistem giliran dan gantian pemandu dilaksanakan bagi mematuhi had maksimum waktu memandu dan bekerja? ➤ Adakah keperluan dari masa rehat sehari dalam setiap minggu dipatuhi? ➤ Adakah kebajikan pemandu dan keluarga pemandu diutamakan?		

PENGURUSAN KENDERAAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah kegunaan kenderaan dipantau dengan rapi oleh pihak pengurusan dan pegawai penyelia? • Adakah perancangan teliti dibuat untuk membeli, membaharui dan melupuskan kenderaan syarikat? • Adakah laporan harian dan rekod kemalangan kenderaan disimpan dengan rapi? • Adakah penyelenggaraan dan program baik pulih kenderaan dijalankan berdasarkan amalan terbaik? • Adakah pengendalian dan pemantauan rekod kenderaan diawasi dengan rapi? • Adakah penyelia menjalankan pemeriksaan kenderaan sebelum dan selepas perjalanan untuk setiap perjalanan? • Adakah kenderaan dihantar ke PUSPAKOM untuk pemeriksaan berkala setiap enam bulan (untuk kenderaan lama) dan setiap tahun (untuk kenderaan baru sehingga usia 2 tahun)? • Adakah setiap kenderaan dilengkapi dengan peralatan keselamatan berikut: ➤ Seunit pemadam api? ➤ Seunit segitiga keselamatan? ➤ Lima buah kon (sekurang-kurangnya sebuah kon dengan alat pemantul cahaya)? ➤ Pita bahan pemantul cahaya? ➤ Seunit lampu suluh? ➤ Seunit Peti Peralatan Bantuan Kecemasan?		

PENGURUSAN KENDERAAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah produk keselamatan tambahan dipasang dalam kenderaan seperti: ➤ Brek halangan (<i>brake retarder</i>)? ➤ <i>GPS</i>? ➤ <i>ABS</i>? ➤ Tali pinggang keselamatan? ➤ Sistem perlindungan tayar? • Adakah pihak pengurusan mengutamakan pemasangan produk di atas sebagai petanda komitmen dan keprihatinan mereka terhadap aspek-aspek keselamatan? • Adakah perancangan dan pilihan perjalanan mengambil kira faktor-faktor persekitaran jalan, kategori jalan, serta rintangan yang meningkatkan risiko perjalanan seperti kawasan berbukit, jalan licin dan lain-lain? • Adakah bukti perakaman peralatan perjalanan seperti <i>GPS</i> dan Takograf digunakan untuk memantau keselamatan setiap perjalanan? • Adakah pusat kawalan ditubuhkan bagi mengawal dan memantau setiap perjalanan?		

PENGURUSAN KENDERAAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah rekod <i>GPS</i>, Takograf serta rekod aduan pelanggan digunakan sebagai bukti untuk menyelia tingkah laku pemandu dalam perjalanan?		
PENGURUSAN REKOD	YA (✓)	TIDAK (×)
• Rekod pemandu yang wajib disimpan ialah seperti yang berikut: ➤ Pengambilan pekerja ➤ Rekod cuti ➤ Tempoh pemanduan/waktu kerja/waktu rehat ➤ Rekod giliran pemandu ➤ Rekod pemandu gantian bagi mereka yang tidak sihat atau mengambil cuti kecemasan ➤ Rekod kesalahan trafik/saman ➤ Rekod Insiden/kemalangan ➤ Rekod tindakan disiplin		

PENGURUSAN REKOD	YA (✓)	TIDAK (×)
• Rekod- kenderaan yang wajib disimpan ialah: ➤ Pembelian kenderaan ➤ Penyelenggaraan kenderaan ➤ Kegunaan kenderaan ➤ Pemeriksaan kenderaan ➤ Rekod pengubahsuaian kenderaan ➤ Peralatan keselamatan ➤ Rekod Insiden/kemalangan ➤ Rekod kerosakan kenderaan • Adakah rekod mesyuarat jawatankuasa SHE disimpan dengan kemas dan lengkap? • Adakah rekod buku log dikemas kini dan dilengkapi untuk setiap perjalanan? • Adakah rekod untuk audit dalaman dan luaran disimpan secara lengkap dan dikemas kini untuk tindakan penambahbaikan?		

PENGURUSAN RISIKO	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah polisi insurans melindungi risiko perjalanan dan pampasan yang munasabah bagi: ➤ Kenderaan ➤ Pemandu ➤ Penumpang • Adakah agenda keselamatan dijadikan nilai murni dan amalan harian di setiap peringkat organisasi? • Adakah rekod aduan pemandu disimpan dengan baik dan dipantau oleh penyelia dan pengurusan kanan? • Adakah program latihan dan peningkatan kecekapan pemandu merupakan teras organisasi yang utama? • Adakah SOP disediakan untuk pengurusan kecemasan dan kemalangan dari aspek yang berikut: ➤ Pengurusan insiden/kemalangan ➤ ERP (Pelan Tindakan Kecemasan) • Adakah perancangan yang selamat bagi setiap perjalanan dijadikan amalan harian oleh penyelia, pemandu dan pihak pengurusan?		

PENGURUSAN RISIKO	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah komponen HIRARC(Jangkaan Bahaya, Penilaian dan Kawalan Risiko) dilaksanakan sepenuhnya untuk perkara yang berikut: ➤ Mengenal pasti risiko perjalanan ➤ Taksiran risiko ➤ Pengawalan risiko ➤ Langkah penambahbaikan		
FAKTOR PERSEKITARAN	YA (✓)	TIDAK (×)
• Adakah pengurusan peka dan mengambil langkah pengawalan pencemaran udara? • Adakah program dan strategi dirancang untuk meminimalkan pencemaran bunyi dalam kenderaan, di kawasan depoh dan dalam perjalanan? • Adakah usaha dilaksanakan untuk mengawal dan mengurus pengeluaran sisa? • Adakah pelupusan tayar dan barangan mematuhi amalan terbaik dan meminimalkan impak negatif terhadap alam sekitar?		

LAMPIRAN D

Senarai Semakan Ketua Pegawai Pengurusan (KPP)

SUBJEK	YA (✓)	TIDAK (x)
Pengurusan dan Pengawalselian Aspek-aspek Keselamatan		
i. Menetapkan dan mengawasi dasar keselamatan dan kesihatan ii. Menubuhkan dan pengerusi jawatan kuasa keselamatan dan Kesihatan setiap bulan iii. Merangka dan melaksanakan pelan kawalan risiko perjalanan iv. Pemantauan system penyimpanan rekod v. Merangka dan melaksanakan pelan tindakan kecemasan		
Pengurusan Pemandu	YA (✓)	TIDAK (x)
i. Pemantauan prosedur pengambilan pemandu ii. Latihan dan perubahan minda iii. Pemantauan risiko perjalanan iv. Pematuhan pada had waktu pemanduan dan bekerja		
Pengurusan Kenderaan	YA (✓)	TIDAK (x)
i. Pemantuan program penyelenggaran dan baik pulih kenderaan ii. Memantau penyimpanan record penyelenggaraan dan kerosakan kenderaan secara lengkap		
Penilaian dan pengawalan Risiko	YA (✓)	TIDAK (x)
i. Pemantauan pengurusan perjalanan dan risiko ii. Pemantauan penilaian dan kawalan bahaya dan risiko laluan iii. Pemantuan perlindungan insurans sebagai keperluan wajib iv. Pemantuan pemantuan pada jadual perjalanan		

LAMPIRAN E

Senarai Semakan Pusat Kawalan

Adakah Pusat Kawalan Operasi	YA (✓)	TIDAK (×)
Memantau pemandu dan laluan Muemuat turun rekod GPS bagi setiap perjalanan dan menghantarnya kepada pegawai penyeliaan setiap hari Mengurus adua pelanggan Menghantar rekod insiden dan kemalangan kepada pihak pengurusan		

LAMPIRAN F

Pelan Bantuan Kecemasan untuk Mangsa Kemalangan Jalan Raya (ERP)

Tindakan di Tempat Kerja	YA (✓)	TIDAK (×)
Hubungi agensi berwajib seperti BOMBA, SPAD, PDRM, JPJ, Jabatan pertahanan Awam Malaysia Hubungi Pusat Kawalan Operasi Syarikat kenderaan barangan Beri bantuan kecemasan pada mangsa-mangsa yang cedera Menyelamatkan penumpang yang terperangkap (dalam kecemasan) Pilih tempat yang selamat dan berteduh bagi penubuhan kawasan rawatan sementara mangsa kemalangan Meletak tanda amaran keselamatan seperti Kon, segiriga, pita bahan pemantul cahaya Cuba alihkan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan ke tempat selamat diluar lauan trafik Pastikan pertolongan rapi diberikan kepada mangsa mangsa yang mengalami kecederaan parah		

Tindakan susulan selepas kejadian	YA (✓)	TIDAK (×)
Membuat laporan polis Sampel darah dan kencing diambil daripada pemandu kenderaan bagi tujuan siasatan Hubungi ahli keluarga mangsa-mangsa kemalangan Pengurusan kanan menjalankan siasatan awal terhadap punca kemalangan Kenyataan akhbar oleh wakil pengurus syarikat		

Tindakan pihak berwajib	YA (✓)	TIDAK (×)
Pelan tindakan kecemasan pihak hospital, JPA 3, Bulan Sabit, pihak berkuasa jalan dan agensi penguatkuasa Penyiasatan kemalangan oleh MIROS dan SPAD		